



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 27 OGOS 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	COVID-19: MAFI PRIHATIN TURUN PADANG BANTU PENDUDUK TERKESAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BUAT PERBANDINGAN, LOKAL, HM -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	85 PERATUS TERUMBU KARANG TERANCAM, DALAM NEGERI, UM -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7.	600KG AYAM DILUCUTKAN JADI MAKANAN IKAN KELI, KOSMO -ONLINE MAQIS SELANGOR TAHAN SATU TAN MAKANAN TAMBAHAN HAIWAN, MSN NEWS -ONLINE SUMBANG 600KG AYAM SEJUK BEKU, LOKAL, HM -24 1,100 EKOR BURUNG MURAI DITINGGALKAN TEPI JALAN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	TANAM 4,200 POKOK NANAS BANTU TAMBAH DANA MASJID, NEGARA, KOSMO -14 SIN CHEW DAILY -ONLINE PERKASAKAN SEKTOR PERTANIAN, PENTERNAKAN, KELANTAN, HAKAKAH -H12 PERTANIAN PACU PEMBANGUNAN RAKYAT SETIU, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20 TERENGGANU PERUNTUK RM250,000 KEPADA PENGUSAHA MELON MANIS, DARUL IMAN, HAKAKAH -H20 WARGA TANI TERENGGANU POSITIF COVID-19 TERHARU TERIMA BANTUAN 'ONE OFF', TERENGGANU KINI, HAKAKAH -H23 PROJEK KELEDEK VITATO DI SETIU KELUARKAN 350 TAN HASIL, TERENGGANU KINI, HAKAKAH -H23 PETANI TERMENUNG HASIL SAYUR TIDAK PULANG MODAL, DALAM NEGERI, UM -25 BANJIR: PENGUSAHA CILI RUGI RM6,000, DALAM NEGERI, UM -26 TANAM NANAS TAMBAH DANA MASJID, DALAM NEGERI, UM -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	NUKA SURAT
27/8/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Covid-19: MAFI Prihatin turun padang bantu penduduk terkesan



Penyerahan bantuan MAFI Prihatin oleh KSU MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid kepada Naib Cancellor, Lt. Jen DatuklHasagaya Abdullah.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan serta tiada gangguan dalam kelangsungan bekalan makanan negara serta rantaianya apabila turut turun padang bagi menyerahkan bantuan

MAFI Prihatin kepada penduduk yang terjejas oleh pandemik Covid-19 di beberapa lokasi di sini, hari ini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M.Salleh.

Sumbangan adalah berupa kotak makanan yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, minyak, biskut, bihun, susu pekat, nanas tin dan jem nanas.

“Sumbangan MAFI Prihatin melalui LPNM ini melibatkan penyerahan kotak makanan kepada kumpulan sasar dan barisan hadapan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, balai Polis, pihak universiti serta Persatuan-persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga.

“Melalui program ini sebanyak 1,500 kotak bakul makanan disumbangkan dalam program ini kepada pihak terbabit. Sehingga kini, LPNM telah menyumbangkan lebih daripada tiga ribu bakul makanan kepada pelbagai kumpulan sasar yang terjejas terutamanya golongan petani, penternak, nelayan dan barisan hadapan,” kata kementerian itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.



Datuk Haslina Abdul Hamid menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Che Samsuzuki Che Noh.

MAFI memberitahu, turut disumbangkan adalah buah nanas sebanyak 2,300 biji sebagai sebahagian daripada promosi Kempen Makan Nanas.

Jelas kementerian, sumbangan itu juga bagi menggalakkan masyarakat untuk makan lebih banyak buah nanas yang dikategorikan sebagai buah yang amat berkhasiat dan juga baik untuk kesihatan.

“MAFI Prihatin merupakan inisiatif Kementerian dalam memahami kepayahan dan keperluan golongan yang terkesan dengan pandemik Covid-19 selain untuk menghargai penat lelah dan pengorbanan para petugas barisan hadapan seperti pasukan polis, pertahanan awam dan badan kebajikan dalam melaksanakan tugas bagi membantu negara membendung penularan Covid-19,” kata MAFI.

Sementara itu, bermula Jun hingga Ogos ini, seramai 77,289 penerima telah mendapat manfaat dan bantuan MAFI Prihatin yang dilaksanakan di 441 lokasi seluruh negara.

Bantuan MAFI Prihatin itu turut mendapat sokongan dan penglibatan daripada pihak swasta yang turut menyumbang bagi menjayakan program ini.

Program MAFI Prihatin dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan dan Agensi di bawah MAFI dengan sasaran utamanya adalah kepada golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas, selain turut membantu pasukan petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan rakyat yang terkesan disebabkan pandemik serta bencana lain.

Bantuan ini turut meliputi bantuan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memerlukan.

MAFI melalui Jabatan dan Agensinya memberi jaminan bahawa khidmat penyampaian kerajaan bagi perkhidmatan dalam sektor pertanian dan industri agromakanan, serta rantaianya tetap berfungsi dengan baik.

Keutamaan perkhidmatan akan terus diberikan dalam membantu menjana ekonomi dan pendapatan golongan sasaran khususnya para petani, penternak dan nelayan biarpun negara masih berhadapan dengan pandemik Covid-19, selain terus memastikan kelangsungan bekalan makanan negara. –

MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	24

**HARGA TELUR, AYAM BERSIH MASIH STABIL: KPDNHEP**

# Buat perbandingan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**O**rang ramai tidak perlu panik berikutan harga purata runcit telur ayam dan ayam bersih standard dijual di pasaran masih berada pada paras stabil.

Kementerian Perdagangan Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan semalam berkata, ayam bersih standard kekal stabil pada harga RM7.51 bagi setiap sekilogram.

"Hasil pemantauan dan analisis diperoleh daripada peringkat pengeluaran dan pemborong oleh Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) menunjukkan harga jualan telur ayam bagi Gred A adalah sekitar 37 hingga 38 sen sebiji, Gred B (34 hingga 38 sen) dan Gred C (33 hingga 37 sen) dengan margin keuntungan antara satu hingga tiga sen setiap biji.

"Pemantauan turut mendapati terdapat peniaga yang masih menjual dengan harga yang lebih rendah berbanding harga kos," katanya.

Sebelum ini media melaporkan harga runcit telur ayam bagi setiap gred, ayam



HARGA runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji.

proses super serta ayam tua di seluruh negara mencatatkan paras tertinggi pada bulan ini.

Menurut data dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PVS), harga ayam dan telur ayam akan dikemas kini pada tanggal 21 setiap bulan dan bagi bulan Ogos, ia mencatatkan paras tertinggi berbanding bulan sebelumnya.

Berikutan itu, KPDNHEP meminta pengguna membuat pilihan lebih bijak dan membuat perbandingan sebelum membeli barang ke-

perluan.

"Perlu diketahui, harga runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji. Oleh itu, pengguna digalakkan membuat pilihan bijak," katanya.

Bagaimanapun KPDNHEP berkata, pihaknya tetap mempergiatkan pemeriksaan di peringkat pengeluaran, pengilang dan pengimport makanan ternakan ayam di bawah Op Rantai 7.0 (Makanan Ternakan Ayam) susulan daripada situasi ke-

naikan harga import makanan ternakan ayam yang turut memberi kesan kepada harga ayam dan telur.

"Untuk makluman, KPDNHEP melaksanakan penguatkuasaan Op Pasar (telur ayam) sejak 2 Ogos lalu dan Op Rantai yang dilaksanakan sejak 11 Ogos.

"Pemantauan setiap hari yang diadakan itu sebagai pendekatan bagi memastikan pergerakan harga runcit ayam dan telur ayam tidak menekan pengguna dan memastikan pasaran sentiasa terkawal," katanya.

## 85 peratus terumbu karang terancam

**KOTA KINABALU:** Aktiviti pengeboman ikan secara berterusan boleh mengancam 85 peratus terumbu karang di kawasan pesisir pantai.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pasukan Program Marin Tabung Alam Sedunia (WWF-Malaysia) di Semporna, Herminatalia Tabar berkata, mereka mula memasang alat pengesan bom ikan di perairan Semporna sejak Jun 2018.

Namun, pada tahun lalu, insiden pengeboman ikan dilihat semakin berkurangan susulan kehadiran pihak berkuasa melakukan rondaan di perairan Semporna.

"Ketika ini, WWF-Malaysia bekerjasama kepada Jabatan Perikanan Negeri, Pasukan Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menangani aktiviti bom ikan yang berlarutan di Sabah sejak sekian lama.

"Apabila letupan bom berlaku, terumbu karang akan musnah dan keseimbangan ekologi marin akan terganggu. Situasi ini bukan hanya memusnahkan terumbu karang di perairan Sabah, tapi turut menjejaskan industri pelancongan," katanya.

Beliau berkata, aktiviti pengeboman ikan di Semporna turut menunjukkan penurunan kira-kira 73 peratus pada 2019. WWF-Malaysia percaya alat pengesan bom ikan yang dipasang memudahkan proses pengumpulan data bagi membantu pasukan keselamatan membuat pemantauan.

Sementara itu, Pengasas Bersama Blue Fin Surf & Dive Kudat, **Camuel Tsen** berkata, mereka

pernah mendengar bunyi letupan bom ikan dua kali seminggu semasa melakukan aktiviti selaman berhampiran rumah api di Simpang Mengayau, Kudat.

"Situasi ini menyebabkan penyelam cemas dan memberi tanggapan yang kurang baik kepada penyelam baharu dan berkemungkinan mereka tidak lagi mahu menyelam di sini," katanya.

Camuel berkata, aktiviti pengeboman ikan bukan hanya merosakkan ekosistem marin di perairan Sabah tetapi, ia akan menjejaskan industri pelancongan berasaskan selam skuba.

Sementara itu, Pengurus Program Reef Check Malaysia, Muhammad Adzmin Fatta berkata, insiden pengeboman ikan di perairan Pulau Mantanani, Kota Belud mula menunjukkan penurunan bagi tempoh 2014 hingga 2019.

Trend penurunan ini berikutan usaha berterusan Reef Check Malaysia bagi membantu penduduk setempat untuk menceburi aktiviti ekonomi lain. Melalui Program Cintai Mantanani, program pemerikasaan dan latihan diberikan kepada penduduk setempat agar mereka tidak lagi bergantung kepada aktiviti perikanan.

Menurut beliau, sekarang sudah ramai penduduk tempatan mula beralih kepada sektor pelancongan dengan mengusahakan inap desa (*homestay*) bagi menyediakan penginapan untuk pelancong.

Sejak kebelakangan ini, orang kampung memberitahu kebanyakan pengebom ikan datang dari tanah besar seperti Kota Belud dan Pulau Gaya.



**TERUMBU** karang di perairan Sabah terancam disebalik aktiviti bom ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	KOSMO	ONLINE	

## 600 kg ayam dilucutkan hak jadi makanan ikan keli



RANTAU PANJANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan menyerahkan sebanyak 600 kilogram (kg) ayam sejuk beku yang telah dilucutkan hak kepada Jabatan Penjara Malaysia (JPM) Penor, Pahang semalam.

Serahan ayam beku bernilai RM5,700 untuk dijadikan sebagai makanan ternakan ikan keli di bawah program rehabilitasi banduan di penjara berkenaan.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, kesemua serahan itu adalah daripada hasil sitaan keluaran pertanian import yang telah melalui proses undang-undang dan yang telah dilucut hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

Katanya, Maqis Kelantan telah menyerahkan sumbangan 840 kilogram keratan ayam sejuk beku kepada Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan di Sungkai, Perak dua minggu lalu.

“Sumbangan yang dianggarkan bernilai RM7,000 bertujuan memastikan bekalan makanan haiwan dalam keadaan yang mencukupi dan memenuhi keperluan.

“Maqis Kelantan bersedia untuk membantu setiap agensi yang memerlukan bekalan untuk dijadikan sebagai makanan haiwan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	MSN NEWS	ONLINE	

## Maqis Selangor tahan satu tan makanan tambahan haiwan



KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan sekitar satu tan muatan makanan tambahan haiwan tanpa permit import dari China di Pelabuhan Klang Utara di sini pada Rabu.

Maqis Selangor dalam kenyataan berkata, muatan tersebut dikesan sekitar jam 11 pagi semasa pemeriksaan rutin pihaknya ke atas sebuah kontena di pelabuhan tersebut.

“Maqis menemui seberat 1,000 (kg) makanan tambahan haiwan bernilai RM28,521 yang cuba dibawa masuk dari China.

“Makanan tambahan tersebut telah ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen seperti permit import kepada pegawai pemeriksa,” katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Dalam pada itu, menurut Maqis, tindakan itu perlu diambil bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara.

“Buat masa sekarang kami menahan muatan tersebut sementara kes dalam siasatan.

“Perbuatan mengimport apa juga jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah daripada Maqis adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh didenda melebihi RM 100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	24

# Sumbang 600kg ayam sejuk beku

**Rantau Panjang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Kelantan menyumbang 600 kilogram (kg) ayam sejuk beku bernilai RM5,700 kepada Penjara Penor, Pahang kelmarin.

Pengarah Maqis Negeri Kelantan Roslan Che At berkata, ia bertujuan memenuhi keperluan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan ke-li di bawah program re-

habilitasi banduan Jabatan Penjara Malaysia.

Katanya, semua serahan itu hasil sitaan pengimportan keluaran pertanian yang sudah melalui proses undang-undang dan yang sudah dilucuthakkan.

“Pengeluaran ayam sejuk beku ini tidak mematuhi aspek perundangan seperti mana yang tertakluk di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	KOSMO	NEGARA	14

## 1, 100 ekor burung murai ditinggalkan tepi jalan

**MELAKA** - Dua individu meninggalkan bot dan 1,100 ekor burung Murai Kampung yang cuba diseludup ke negara jiran selepas menyedari kehadiran penguat kuasa di perairan pantai Alai, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.15 malam itu, kesemua burung itu ditemui unit ronda pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Melaka dan Negeri Sembilan.

Pengarahnya, Kepten Maritim Haris Fadzillah Abdullah berkata, rondaan operasi khas itu dibuat berjaya mengesan sebuah bot disyaki terbabat kegiatan penyeludupan.

"Bagaimanapun, suspek bertindak meninggalkan bot

berkenaan selepas menyedari kehadiran penguat kuasa.

"Pengeledahan di kawasan pantai berbatu itu menemui 55 buah raga berisi kurang 1,100 ekor burung Murai Kampung," katanya semalam.

Jelasnya, jumlah keseluruhan burung itu bernilai kira-kira RM44,000.

"Burung Murai Kampung atau nama saintifiknya *Copsychus saularis* dipercayai untuk diseludup ke negara jiran kerana mempunyai permintaan tinggi.

"Kita mengesyaki dalam kegiatan ini adalah suspek warga tempatan," ujarnya.

Kes disiasat di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia 2011.



**BURUNG** Murai Kampung yang ditinggalkan di tepi pantai di perairan Alai, Melaka, kelmarin.

## Tanam 4,200 pokok nanas bantu tambah dana masjid



**BEBERAPA** orang kariah masjid menanam nanas di tanah wakaf berhampiran Masjid Mukim Permatang Sungkal, Pasir Putih, semalam.

**PASIR PUTIH** - Bagi membantu menambah dana masjid, Ahli jawatankuasa (AJK) Masjid Mukim Permatang Sungkal menanam nanas di atas tanah terbiar seluas 0.16 hektar sejak beberapa bulan lalu.

Langkah tersebut diambil ekoran dana semakin berkurangan selepas seluruh rumah ibadat di Kelantan tidak membenarkan kehadiran jemaah.

Imam Muda Masjid Mukim Permatang Sungkal, Azmi Hussin

berkata, sebelum ini, dana masjid diperolehi daripada sumbangan jemaah terutamanya ketika solat Jumaat, namun keadaan itu berubah sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, sumbangan jemaah amat penting untuk perbelanjaan pengurusan selain ia boleh digunakan untuk kerja-kerja kebajikan yang berkaitan.

"Masjid ini boleh mengumpul sebanyak RM2,000 seminggu. Semua wang itu didermakan oleh

penduduk di dua mukim di kampung ini," katanya semalam.

Sementara itu, pengurus projek penanaman nanas Masjid Mukim Permatang Sungkal, Malyadi Jusoh berkata, seramai 15 orang kariah masjid dilantik sebagai AJK pertanian dengan menanam sebanyak 4,200 pokok nanas.

Katanya, tiga jenis nanas ditanam iaitu MD2, madu kaca dan cobek yang dijangka dapat dituai pada November tahun depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

渔业局：资源恢复措施奏效，“西海岸渔获量增”

即时国内

+ 关注

广告

(吉隆坡26日讯) 大马渔业局说，政府自2016年实施各项管制和资源恢复措施，已令大马半岛西海岸沿海地区的渔产上岸量积极增长。

不过，该局坦承，冠病疫情爆发初期由于不能引进外劳带来影响，导致大马C区渔产上岸量有所下降。

该局发文告说，尽管鱼船的数量已从2015年的5万6211艘减至2020年的4万8826艘，但渔产上岸量不减反增。

该局今日针对本地一家报章主题为“麻烦之海”的新闻作出回应。

该局说，政府已在2019年修订1985年渔业法令，以更好地管理资源和控制非法捕鱼活动，同时严厉对付不遵守条规的渔船。

### 重新划分捕鱼区

该局也重新划分了大马半岛西海岸各州的捕鱼区，以恢复因资源减少而遭受损失的水域，并全力消除B区的拖网捕鱼，让渔业得以持续生存。

“海洋公园在各州政府的配合下，数量也不断增加，预计今年获宪报颁布为海岸公园的岛屿数目将会增加，而自2017年以来，全国共投放了1606个造价超过2700万令吉的人造礁。”

该局说，当局也通过大马—印尼谅解备忘录共同准则论坛来讨论海域重叠和渔船处理和管理课题，并建议渔民携带GPS设备，以便确定位置，尤其是A区的渔民。

该局称，A区和B区船舶现代化和设备机械化计划也在积极实施中。

“迄今为止，我国一直拥有永续的渔业资源，但资源控制和改善措施的成败在于渔民、决策者和民众的认知和支持。”

广告

文章来源：星洲日报



Menteri Besar pada persidangan Dun Kelantan.

## Perkasakan sektor pertanian, penternakan

**KOTA BHARU:** Kerajaan negeri disaran melaksana perancangan pemulihan ekonomi rakyat selepas pandemik Covid-19 dengan memberi tumpuan memperkasakan sektor pertanian dan penternakan.

Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V bertitah kerajaan negeri wajar memberi fokus kepada pemerkasaan 'food security' di bawah Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK12).

"Ia merupakan agenda 'Jelapang Makanan Negara' yang bertujuan mengurangkan kebergantungan makanan import," titah baginda ketika merasmikan persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan Isnin lepas.

Teks titah baginda dibacakan Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob.

Menurut baginda industri yang berasaskan sektor tersebut tidak pernah terjejas, malah mampu memberi kekuatan kepada kerajaan negeri terutamanya ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19.

Bahkan ia juga selaras

hasrat kerajaan negeri menjadikan Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara dan dasar Merakyat Membangun Bersama Islam.

Titah baginda kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) melaksanakan pelbagai program bagi memastikan sektor tersebut terus berkembang.

"Beta juga berharap langkah pemerkasaan berjalan seiring dengan pemerkasaan Pengurusan Sijil Halal bertepatan dengan Islam yang memementingkan sumber yang halal.

"Selain itu fokus kepada program pemulihan tanah terbiar melalui kerjasama jabatan kerajaan dan agensi berkaitan," titahnya.

Baginda turut menekankan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan (SDG), memberi tumpuan pembangunan sosio ekonomi rakyat.

Antarainya Danau Tok Uban sebagai Zon Industri Akuakultur serta pembangunan projek Ladang Solar terapung di kawasan itu yang menjana nilai pelaburan RM500 juta.

# Pertanian pacu pembangunan rakyat Setiu

Oleh **FAKRUSY SYAKIRIN AHMAD SABRI**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan negeri menyoalakan pembangunan di daerah Setiu melalui sektor pertanian selepas pelbagai faktor tempatan dan projek besar yang sedang dijalankan diambil kira.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim memaklumkan, sasaran tersebut menjadi keutamaan kerana keistimewaan Setiu adalah 70 peratus rakyatnya terlibat dalam sektor perikanan,

pertanian, penternakan.

"Berdasarkan faktor sedemikian, menerusi Pelan Strategik Pertanian Negeri 2019-2023, pada tahun ini 73 program dan 13 projek dijalankan dan sebahagian besar bertumpu di sini.

"Antaranya seperti pemilihan Setiu sebagai 'Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu melihat kepada beberapa faktor antaranya daerah ini masih lagi mempunyai tanah pertanian berskala komersial untuk diusahakan di dalam sesuatu kawasan.

"Kita melihat keperluan rakyat setempat, oleh itu antara dasar yang kita tetapkan buat syarikat dan

pelabur luar adalah tiga persoalan iaitu apakah tujuan datang di sini?, bagaimana kerajaan negeri boleh bantu dan apa rakyat boleh tukar?," katanya.

Dr Azman turut menceritakan pelaburan asing dari Amerika Syarikat melalui McCormick Global Ingredients Malaysia Sdn Bhd yang mampu memberi manfaat secara langsung kepada penggiat tani di sekitar daerah itu.

"Dengan tanah seluas 500 hektar, 100 hektar daripada itu akan digunakan untuk rakyat kita seperti pertukaran kemahiran dan teknologi dengan bakal pengeluar komersial yang



Dr. Azman berunding dengan petani di dalam sebuah rumah kaca.

terbesar lada hitam di Asia Tenggara itu," jelasnya.

Tambahnya lagi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, beliau menyeru agar semua pemain taruh dalam industri tersebut bergerak sebagai satu pasukan.

"Rantalan pembuat dasar, pegawai pelaksana dan rakyat yang mendapat manfaat tidak boleh putus, kita perlu saling melengkapi dan sasaran agar rakyat boleh kebaikan dari inisiatif ini," katanya lagi.



Sektor pertanian yang menjadi antara nadi ekonomi sara diri masyarakat Terengganu semakin bertumbuh.

## Terengganu peruntuk RM250,000 kepada pengusaha melon manis

Oleh **MASTURA JAMAL DIN**

**KUALA TERENGGANU:** Terengganu memperuntukkan RM250,000 kepada pengusaha fertisasi tanaman Melon Manis Terengganu (MMT) di seluruh negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, insentif yang diberikan kepada 47 pengusaha MMT itu sebagai tanda kepribatian kerajaan negeri terhadap sektor pertanian yang merupakan salah satu penyumbang kepada ekonomi di Terengganu.

"Kita beri bantuan ini sebagai dorongan kepada mereka untuk terus produktif dalam usaha meningkatkan pengeluaran buah yang menjadi identiti bagi negeri Terengganu.

"Bantuan 'input' dalam bentuk benih, baja, racun, sistem pengairan, EC meter, PH meter, Basilus dan be-

berapa input lagi bagi memperkasakan industri ini," katanya.

Bellu berkata kepada pemberita selepas penyerahan input kepada penerima secara 'drive thru' bagi memperkasakan tanaman Melon Manis Terengganu di TKM Peradong, Manir, awal minggu ini.

Dalam pada itu, Dr Azman berkata, pengeluaran hasil bagi tanaman MMT tidak terjejas sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula fasa pertama pada Mac tahun lalu.

"Aktiviti tanaman melon manis di Terengganu tidak terjejas termasuk di kawasan-kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) memandang sektor ini termasuk dalam sektor 'essential' yang berkeperluan dan dibenarkan beroperasi.

"Jadi tiada berlaku isu lambakan atau buah tidak laku malah hasil pengeluaran bagi tahun ini juga sama seperti tahun lalu iaitu



Kerajaan negeri melancarkan input memperkasakan Melon Manis Terengganu, baru-baru ini.

mencecah 500 tan setahun," katanya.

MMT adalah ikon buah di negeri itu yang mempunyai keunikan rasa tersendiri kerana ia lebih manis, rangup dan berlemak berbanding 3,000 varieti melon lain di seluruh dunia.

Lebih istimewa, varieti buah itu yang eksklusif dan hanya terdapat di Terengganu tidak pernah ditanam di Malaysia sebelum ini menjadikannya sentiasa laris di pasaran dalam negara ketika ini dengan harga RM10 untuk sekilogram.



Agihan sumbangan disampaikan secara pandu lalu bagi mengikut SOP ditetapkan MKN.



Dr Azman menunjukkan melon manis Terengganu kepada media.

# Warga tani Terengganu positif Covid-19 terharu terima bantuan 'one-off'

Oleh ADLI MOHAMED

SETIU: Nasib warga tani daripada sektor pertanian, penternakan dan juga perikanan di negeri ini yang positif Covid-19 terbelah apabila kerajaan Terengganu memberikan bantuan 'one-off' kepada mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, bantuan sebanyak RM500 kepada 90 individu itu diharap mampu meringankan sedikit beban dialami sepanjang menjalani tempoh rawatan dan kuarantin.

Katanya, kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada yang terlibat dalam sektor berkenaan kerana mereka adalah penyumbang utama bekalan makanan untuk seluruh rakyat.

"Kalau kita tengok daripada angka positif Covid-19 yang melibatkan sektor pertanian, nelayan dan penternakan ini boleh kita simpulkan bahawa masih berada pada tahap yang sangat rendah risiko terdedah kepada jangkitan.

"Walaupun begitu peringatan

dan pematuan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu diberi keutamaan dalam rangka kita hendak memastikan perkhidmatan sektor ini terus berjalan, dan rantaianya tidak terputus walaupun dalam pelbagai situasi sekatan dan kekangan yang sedang kita lalui bersama ini," ujarnya.

Mengulas lanjut beliau makiuamkan, pihaknya mengambil serius perkara itu kerana rata-rata rakyat Terengganu berkecimpung dalam industri terbabit.

"Kesemua mereka bergantung nasib sepenuhnya kepada rezeki daripada hasil pertanian untuk menyara hidup. Apabila disahkan positif COVID-19, mereka melalui tempoh rawatan dan kuarantin, ini telah menjejaskan kehidupan serta pendapatan mereka.

"Sumbangan ini bukanlah besar, namun ia cukup mengambatkan keprihatinan pentadbiran negeri kepada mereka yang telah menyumbang tenaga membekalkan sumber makanan negeri, seterusnya menghadirkan sedikit khabar gembira buat warga tani," jelasnya.

Sementara itu salah seorang penerima sumbangan, Norizan Ali, 53, berkata pihaknya sangat



Norizan Ali

bersyukur dengan bantuan yang diberikan itu.

"Saya dengan isteri didapati positif pada Jun lalu. Bantuan ini sangat besar bagi kami dalam meringankan beban perbelanjaan kami sekeluarga.

"Kami masih mempunyai lima orang anak di bawah tanggungan saya, sepanjang tempoh itu tidak boleh kemana-mana untuk bekerja seperti biasa. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan," ujarnya.



Dr Azman turut menyampaikan lesen khas nelayan sempan, antara inisiatif yang diusahakan kerajaan Terengganu kepada nelayan di negeri itu.

Seorang lagi penerima bantuan, Amran Derahat, 54, juga menyatakan bahawa bantuan berkenaan sangat membantu.

"Saya merupakan salah seorang pesawah, sangat bersyukur mendapat bantuan ini daripada pihak kerajaan untuk membantu golongan seperti kami."

"Jadi dapatlah menampung perbelanjaan kami sekeluarga bagi meneruskan kelangsungan hidup," ujarnya yang juga merupakan seorang imam di Masjid Kampung Banggol.



Amran Derahat



Pengusaha menunjukkan ubi Vitato yang ditanam.



Dr Azman menunjukkan hasil tani yang bakal dipasarkan dengan lebih meluas.

## Projek keledak vitato di Setiu keluarkan 350 tan hasil

Oleh MOHD FAHMI  
IZZUDDIN HASHIM

SETIU: Projek penanaman keledak vitato di Kampung Banggol di sini mampu mengeluarkan hasil sebanyak lima tan setiap ekar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tanaman secara berkelompok yang berkeluasan 70 ekar itu melibatkan seramai 70 orang peserta.

"Projek berkenaan hasil usahasama kerajaan negeri Terengganu melalui Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC)

dan penduduk setempat," kata ringkas pada Majlis Penuaian Ubi Vitato di Kampung Banggol, baru-baru ini.

Terdahulu, beliau turut memaklumkan kerajaan Terengganu bersetuju menjadikan daerah Setiu sebagai gedung pengeluaran makanan negeri itu.

Jelasnya, pemilihan daerah Setiu disebabkan beberapa faktor antaranya keluasan tanah sekitar 5,200 ekar yang diwartakan di bawah seksyen 62 yang dikhususkan bagi aktiviti pertanian samada penternakan dan tanaman.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 16 Jun yang lalu bersetuju mengisytiharkan dan menjadi

kan daerah Setiu sebagai gedung pengeluaran makanan Negeri Terengganu.

"Untuk itu, MMKN bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Ge-

dung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu yang di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Setiu dan dianggotai oleh ketua-ketua jabatan berkaitan," tambah beliau.



Ubi Vitato berpotensi jadi antara sumber penghasilan utama pertanian Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	25

# Petani termenung hasil sayur tidak pulang modal

Oleh ROSLIZA MOHAMED  
utusannews@mediamulia.com.my

**TUMPAT:** Modal dibelanjakan bagi mengusahakan 1.2 hektar tanah dengan pelbagai jenis sayur di Kampung Chenderong Batu, di sini mencecah RM30,000, namun hasil yang dikutip setakat ini hanya kira-kira RM15,000.

Seorang petani, Mohd. Arie Faie Jusoh, 35, mengakui termenung panjang memikirkan usahanya yang tidak pulang modal itu, ekoran pasaran sayur yang terlalu perlahan di negeri ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, petani muda itu berkata, dia sebenarnya baru berjinak-jinak dengan penanaman pelbagai sayur-sayuran seperti terung, peria, lada hijau dan cili di atas sebidang tanah yang disewa sejak setahun lalu.

"Saya mengusahakan sawah padi selama kira-kira lima tahun sebelum membuat keputusan beralih kepada penanaman sayur kerana sering berdepan masalah bekalan air tidak mencukupi untuk mengairi sawah.

"Dengan wang RM30,000



MOHD. Arie Faie Jusoh memeriksa tanaman di kebun sayur yang diusahakan di Kampung Chenderong Batu, Tumpat baru-baru ini. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

diperoleh menerusi pinjaman bank, saya sewa sebidang tanah seluas lebih kurang 1.2 hektar dengan bayaran RM700 setahun dan mula mengusahakan tanaman sayur-sayuran," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohd. Arie Faie berkata, dia bersyukur kesemua tanaman tersebut menjadi dan mengeluarkan hasil yang banyak dalam tempoh 30 hingga 75 hari, bergantung kepada jenis tanaman namun masalah lain pula tim-

bul iaitu kesukaran memasarkannya.

"Sekarang berlaku lambakan terung, lada hijau, cili dan peria kerana ada kalangan pemborong tidak dapat membelinya disebabkan kedai makan masih tidak dapat beroperasi dalam skala penuh," katanya.

Kata Mohd. Arie Faie, ketika ini, hanya pasar borong Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di Kota Bharu menjadi satu-satunya lokasi dia memasarkan sayur-sayuran

dari kebun yang diusahakan.

"Alhamdulillah baru-baru ini masalah saya mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Wakaf Bharu, Mohd. Rusli Abdullah yang membeli hasil kebun saya untuk diagihkan kepada penduduk menerusi program Gerobok Sayur.

"Saya berharap pihak lebih banyak pihak tampil membantu petani dalam usaha mengelak lambakan sayuran daripada berterusan," katanya.



ARIZULFA Baharum menunjukkan tanaman cili yang diusahakannya dinaiki air akibat hujan berterusan di Kampar. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

## Banjir: Pengusaha cili rugi RM6,000

Oleh: AIN SAFRE BIDIN  
utusannews@mediamula.com.my

**KAMPAR:** Seorang pengusaha cili fertigasi di sini kerugian apabila tanamannya rosak akibat banjir kilat yang melanda kawasan itu baru-baru ini.

Arizulfa Baharum, 47, menanam 1,000 pokok cili fertigasi klon bara dan kulai yang sedang mengeluarkan hasil.

Katanya, tanaman itu sepatutnya memberi pendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan bagi membolehkannya menyara keluarga.

"Air naik secara mendadak menyebabkan kawasan tanaman cili yang saya usahakan rosak.

"Walaupun air tidak menenggelamkan keseluruhan pokok cili, namun air yang bertakung menjejaskan tanaman dan saya anggarakan rugi RM6,000," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Baru Kuala Dipang dekat sini.

Banjir di daerah ini baru-baru ini menyebabkan beberapa penduduk dipindahkan Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Penduduk mendakwa banjir kilat yang berlaku di kawasan Kampung Tersusun Batu 20 di sini setiap kali hujan lebat berpunca dari limpahan air lombong tinggal ke kampung hampiran.

Mangsa banjir, Abdul Aziz

Hashim, 59 berkata, hujan berterusan baru-baru ini menyebabkan air dari lombong tinggal yang melimpah hingga ke kawasan rumah penduduk.

Katanya, antara kampung yang dinaiki air adalah Kampung Baru, Kampung Pasir, Kampung Nyior, Kampung Kuala Dipang Tepian Sungai dan Kampung Tersusun Batu 20 melibatkan kira-kira 350 rumah.

"Kami berharap pihak yang berkenaan dapat melihat masalah ini kerana kami tidak mahu ia berlaku lagi.

"Penduduk bimbang banjir menyebabkan mereka terpaksa berpindah ke PPS dalam keadaan Covid-19 yang semakin tinggi," katanya.

## Tanam nanas tambah dana masjid

**PASIR PUTEH:** Dana tabungan Masjid Mukim Permatang Sungai di sini semakin susut dan mungkin kering, ekoran penutupannya terhadap orang ramai bagi membendung Covid-19 yang berlarutan hampir tiga bulan.

Pengurusan masjid itu bagaimanapun enggan berpeleuk tubuh apabila memulakan projek penanaman nanas di sebidang tanah lapang, sebagai alternatif kepada sumber kewangan masjid tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Imam Muda Masjid Mukim Permatang Sungai, Azmi Hussin berkata, masjid itu selama ini mengharapkan sumbangan orang ramai yang datang ke masjid untuk solat berjemaah setiap hari.

"Hari Jumaat sebelum ini banyak memberi pendapatan kepada masjid kerana jemaah yang hadir rata-ratanya menghulurkan sumbangan kepada tabung bergerak. Paling banyak pernah diterima kira-kira RM2,000 sehari.

"Disebabkan masjid masih belum dibuka sepenuhnya, tabungan untuk belanja pengurusan serta program kemasyarakatan serta kebajikan membabitkan penduduk kampung semakin berkurangan dari hari ke hari.

"Sehubungan itu, ahli jawatankuasa masjid bersetuju melaksanakan projek perintis penanaman nanas dengan menebus guna tanah wakaf terbiar seluas 0.16 hektar terletak kira-kira 700 meter dari masjid," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Projek itu bersifat serampang dua mata kerana bukan sahaja diharap mampu menjadi sumber pendapatan tambahan masjid, malah membantu menambah bekalan makanan kepada penduduk.

Pengurus projek Malyadi Jusoh berkata, sebanyak 4,200 anak pokok nanas dari varieti MD2, madu kaca dan nanas cobek berjaya diusahakan secara bersama oleh 15 ahli Jawatankuasa Pertanian masjid itu.



AZMI Hussin (kiri) membawa anak benih nanas untuk ditanam di sebidang tanah terbiar berhampiran Masjid Mukim Permatang Sungai, Pasir Puteh, Kelantan semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG